

KALAU ORANG BERKENAAN TIDAK TERLALU GOPOH UNTUK NAIK — DR. M

Anak Kelantan mungkin jadi Timbalan PM

UM 29 JUN 1990

PASIR MAS 28 Jun — Perdana Menteri berkata, seorang anak Kelantan kemungkinan besar kini telah menjadi Timbalan Perdana Menteri kalau orang berkenaan tidak terlalu gopoh untuk naik.

Dato' Sri (Dr. Mahathir Mohamad) berkata, orang berkenaan mampu menduduki tangga kedua dalam susunan pentadbiran negara kerana Timbalan Perdana Menteri ketika itu ialah Dato' Musa Hitam telah meletakkan jawatan.

Kalaulah orang berkenaan bersabar sedikit sudah tentu dia akan mengambil tempat Dato' Musa," katanya ketika menutup kursus kepimpinan Islam anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di Dewan Sekolah Menengah Sultan Ibrahim I, di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, akibat gopoh dan terlalu bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri, akibatnya apa yang dicita-citakan oleh orang berkenaan tidak berhasil dan akhirnya dia ter-

paksa menunggu lebih lama.

Menurutnya, jawatan Perdana Menteri bukan hak milik orang yang berjuang untuk sesebuah negeri tertentu sahaja, tetapi adalah hak bagi orang yang berjuang untuk kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

Katanya, jawatan itu tidak mungkin akan dimiliki oleh orang Kelantan semata-mata dan jika tidak ada sokongan dari negeri-negeri lain.

"Ada orang pernah bertanya saya sama ada orang Sabah boleh menjadi Perdana Menteri. Saya menjelaskan dia akan hanya boleh menjadi Perdana Menteri atas kedudukannya sebagai rakyat Malaysia," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, seseorang itu tidak boleh menjadi seorang pemimpin yang baik jika hanya mengutamakan diri, keluarga atau negeri asalnya.

Seorang pemimpin, katanya, mestilah sentiasa menjaga disiplin diri, tidak mudah dipengaruhi oleh kehendak nafsu dan mampu menentukan arus aliran pemikiran rakyat.

LIHAT MUKA 2

UM 29 JUN 1990

ANAK KELANTAN MUNGKIN

"Sekiranya seorang pemimpin itu tidak mengawal diri dan menyeleweng sudah pasti masyarakat yang dipimpinnya akan turut sesat," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sementara itu, berucap pada satu majlis lain, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat memang sentiasa berhasrat untuk membantu membangunkan Negeri Kelantan yang agak ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Malangnya, menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, usaha itu sentiasa dihalang oleh pihak-pihak tertentu

yang mencari kepentingan diri.

Hasrat kerajaan tidak ada lain hanya hendak membantu rakyat terutama di kawasan luar bandar yang banyak terdapat penduduk miskin, katanya ketika berucap di majlis menanam pokok-pokok buah-an projek pemulihan kebun terbiar di Kampung Banggol Che Wan, Meranti di sini.

Pada majlis itu, Dato' Sri Dr. Mahathir dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Yaacob masing-masing menanam seponon pokok durian.

JADI TIMBALAN PM

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata bantuan kerajaan dalam bentuk langsung kepada rakyat termasuklah subsidi, pokok buah-buahan dan ternakan seperti lembu manakala bantuan tidak langsung pula termasuk jalan raya, jambatan dan masjid.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata disebabkan fahaman politik yang berbeza dan perpecahan di kalangan masyarakat, kadang-kadang bantuan itu tidak sampai kepada rakyat.

Beliau berkata krisis politik di kampung-kam-

pung seumpama itu tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata Kerajaan Pusat akan mendapatkan sedikit cukai dari negeri yang agak kaya seperti Terengganu, Johor atau Selangor untuk membantu negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan.

Beliau berkata, bantuan seumpama itu mungkin sukar dilakukan jika Kerajaan Pusat tidak "sebulu dengan kerajaan negeri".